



20 Julai 2012

## Polis cekup dua peragut

BANTING: Penduduk kini boleh menarik nafas lega kerana polis berjaya menahan dua lelaki yang dipercayai terbabit dengan beberapa kes ragut di daerah ini.

Suspek berusia 19 dan 20 tahun itu ditahan polis berpakaian preman kira-kira jam 3.30 petang di Jalan Dusun Durian, di sini, 7 Julai lalu selepas dipercayai baru melakukan jenayah ragut.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Deputy Superintendan Rizani Che Ismail berkata, polis yang menjalankan rondaan cegah jenayah terserempak dengan suspek yang menaiki motosikal dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, sebaik didekati, suspek terus memecut motosikal untuk melarikan diri sambil mengacukan pisau ke arah polis yang cuba menahan mereka.

“Selepas mengejar suspek, mereka berjaya ditahan pihak berkuasa seterusnya melakukan pemeriksaan ke atas motosikal yang ditunggangi suspek.

“Siasatan awal mendapati motosikal yang digunakan suspek adalah motosikal yang dilaporkan hilang di Puduraya, Kuala Lumpur baru-baru ini,” katanya.

Menurut Rizani, soal siasat mendapati suspek turut terbabit dengan kes samun sebuah rumah di Taman Sri Putra, di sini berdasarkan cap jari yang ditemui polis di tempat kejadian.

Beliau berkata, hasil ujian saringan air kencing mendapati suspek yang tidak bekerja terbabit turut positif dadah.

Katanya, polis membawa suspek ke Balai Polis Pudu untuk tindakan selanjutnya bersabit kes curi motosikal di kawasan berkenaan sebelum diserahkan kepada polis Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat untuk siasatan lanjut.